

27/02/2005

Seni silat Malaysia ke peringkat global

Oleh Ziauddin Sharuddin

KEWUJUDAN pelbagai pertubuhan seni silat Melayu banyak mengubah senario dunia persilatan daripada bergerak secara kecil-kecilan di peringkat kampung hingga menjadi lebih tersusun dan kini bernaung di bawah satu panji, Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka).

Bagaimanapun, warisan bangsa Melayu ini juga menghadapi pelbagai cabaran untuk kekal di dalam budaya dan hati orang Melayu. Keadaan semasa menuntut seni silat dikembangkan secara meluas untuk agenda lebih besar demi kepentingan bangsa dan negara.

Wartawan Berita Minggu, ZIAUDDIN SHARUDDIN, menemu bual Mahaguru Persatuan Seni Silat Lincak Malaysia, Datuk Omardin Mauju, sebagai orang lama yang dihormati dalam dunia persilatan, untuk memperkatakan pelbagai isu dalam dunia silat Melayu dan seni mempertahankan diri yang diceburi sejak 43 tahun lalu.

S BOLEH terangkan sedikit peringkat awal Datuk berkecimpung di dalam dunia silat. Adakah Datuk memang bercita-cita menjadi guru silat?

J Saya tidak pernah bercita-cita menjadi guru silat. Ini semua takdir Ilahi. Ketika kecil, saya tinggal dekat kem tentera Sungai Besi dan saya nak jadi sarjan. Tetapi pada usia 15 tahun, saya lumpuh dari paras pinggang ke bawah.

Selepas puas berubat cara moden, keluarga menghantar saya berubat dengan seorang guru rohani dan silat, Syed Abdul Rahman Syed Ismail, di Pulau Besar, Melaka.

Dalam tempoh 40 hari, lumpuh saya dapat dipulihkan. Syed Abdul Rahman mengajar silat pada waktu malam dan pada suatu hari, dia tanya sama ada saya berminat berlatih silat. Melihatkan kebolehannya merawat lumpuh, saya membuat keputusan tidak akan melepaskan peluang menimba ilmu persilatan daripadanya.

S Bagaimana pula Datuk boleh mengasaskan Pertubuhan Seni Silat Lincak Malaysia (PSSLM)?

J Saya mengasaskan PSSLM pada 1963 ketika berusia 16 tahun, iaitu selepas belajar silat daripada beberapa orang guru dengan guru pertama ialah Syed Abdul Rahman.

PSSLM bertapak di Kampung Puah, Gombak, dengan hanya lima murid. Hari ini, saya bersyukur kerana mempunyai 800,000 murid seluruh negara, manakala 30,000 lagi di merata dunia, tetapi yang paling ramai di Eropah.

S Angka 800,000 anak murid memang besar. Bagaimana PSSLM boleh mencapai jumlah keahlian yang sebegitu ramai?

J Saya sendiri pun susah nak jawab macam mana perkara ini boleh berlaku, tetapi saya rasa hasil penat lelah yang saya lakukan. Maknanya, lima anak murid yang saya didik menjadi jurulatih telah saya pecahkan pergi ke beberapa negeri seperti Pulau Pinang, Perak dan Johor untuk mengembangkan silat lincak.

Anak murid mereka pula berusaha mengembangkannya dan hingga kini jumlahnya terus bertambah. Kebetulan semua orang tahu berlaku perselisihan kaum pada 1969 menyebabkan ketika itu, silat seperti menjadi wajib dipelajari anak muda Melayu. Silat Lincak dengan pantas berkembang dan saya rasa silat ini telah menguasai dunia persilatan.

S Mengapa seni silat lincak dipilih?

J Apabila sudah tamat pelajaran silat, saya tanya kepada guru apa nama silat ini apabila saya nanti mengembangkannya? Dia beritahu silat ini adalah silat lincak. Asalnya adalah silat tarah, tetapi apabila sampai ke

peringkat saya mengembangkannya, ia dinamakan silat lincah. PSSLM didaftarkan pada 1967 dan setahun kemudian mendapat pengiktirafan sebagai pertubuhan yang sah di sisi undang-undang negara.

S Pada masa yang sama, ada pertubuhan seni silat tidak mampu bertahan lama dan berpecah, tetapi ini tidak berlaku kepada PSSLM. Apakah rahsiannya?

J Apa yang boleh saya katakan semua pertubuhan seni silat besar berpecah ketika guru mereka masih ada, bukan ketika guru sudah tak ada. Saya fanatik sikit dalam persilatan, maknanya saya jaga. Saya mengembangkan silat bukan untuk kepentingan diri, tetapi demi bangsa Melayu. Sebagai contoh, saya tak mengharapkan ahli untuk membayar yuran atau meminta sebarang bentuk bayaran lain.

Malah, kita sendiri kadang-kadang mengeluarkan duit untuk membantu anak murid kerana tujuan asal ketika saya belajar dengan Syed Abdul Rahman ialah mahu menguasai silat bukan saja di Malaysia, malah hingga peringkat antarabangsa. Guru saya mengharapkan cita-cita itu kalau dia sendiri tak boleh melakukannya, maka dia minta ada anak muridnya boleh mencapainya.

Dari segi latihan, saya pastikan cukup mantap yang boleh membuatkan seseorang itu terus cenderung untuk belajar. Saya bersyukur ke hadrat Ilahi selama 43 tahun saya dalam dunia persilatan, tidak ada lincah A atau B, masih di bawah satu pertubuhan dan satu mahaguru. Saya mahu silat lincah menjadi contoh dalam dunia persilatan.

S Apakah sumbangan PSSLM dan Datuk sendiri terhadap dunia persilatan?

J Sebenarnya PSSLM telah lama berusaha menaikkan martabat seni silat. Seawal 1975, silat lincah berjaya mengadakan pertandingan silat peringkat dunia pertama di Kuala Lumpur yang dirasmikan Timbalan Yang Di-Pertuan Agong ketika itu dengan Allahyarham Tun Hussein Onn sebagai penaung serta disokong sultan dan pemimpin lain. Sudah tentu ada keistimewaan yang membuat pemimpin negara memberikan sokongan kepada silat.

Pada 1975, saya menyuarakan kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang ketika itu, Datuk Seri Dr Rais Yatim adalah Setiausaha Parlimen supaya silat digabungkan dalam satu gabungan yang kini dikenali sebagai Pesaka (Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia). Ini adalah hasil usaha silat lincah sendiri. Pada 1980, Pesaka menjadi kenyataan dengan dipimpin Tan Sri Muhammad Muhd Taib. Ini bukan untuk kepentingan silat lincah, tetapi untuk silat Melayu.

Bukan itu saja, penubuhan Persekutuan Pencak Silat Antarabangsa (Persilat) juga mendapat sentuhan silat lincah. Ini bermula apabila saya berjumpa Timbalan Perdana Menteri ketika itu, Tun Dr Mahathir Mohamad. Beliau membangkitkan persoalan bahawa jika Pesaka berjaya ditubuhkan, mengapa tidak satu pertubuhan yang menyatukan pertubuhan silat seluruh dunia tidak boleh ditubuhkan. Ini yang membawa kepada penubuhan Persilat.

S Bagaimana perkembangan seni silat Melayu secara keseluruhan?

J Saya ingin menjawab soalan ini dengan menarik perhatian masyarakat terhadap ucapan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, ketika melancarkan Majlis Seni Mempertahankan Diri Negara (Marcil) yang juga idea penubuhannya adalah daripada saya sendiri. Beliau mengatakan 99 peratus pengamal silat adalah mereka yang baik.

Ini bermakna hanya ada satu peratus yang tidak baik seperti pertubuhan al-Maunah. Sebenarnya sebelum tragedi Sauk, saya telah mendesak Pesaka supaya meninjau adakah al-Maunah satu pertubuhan silat atau tidak.

Ini kerana yang saya tahu, al-Maunah tidak memerlukan ahlinya belajar langkah dan sebaliknya hanya dengan beramal boleh bersilat. Saya sendiri belajar dengan ramai guru dan mereka beritahu bahawa belajar silat mesti belajar langkah. Jadi saya tak nampak ketika itu, al-Maunah adalah satu jenis silat, tetapi adalah pertubuhan yang yang mempergunakan silat untuk kepentingan mereka.

Selain al-Maunah, ada dua tiga jenis silat meragukan. Bagaimanapun, pertubuhan terbabit sudah diberi amaran keras oleh kerajaan supaya membetulkan segala kesilapan yang berlaku.

S Apakah peranan yang boleh dimainkan oleh pertubuhan seni silat bukan saja untuk kepentingan ahli, tetapi masyarakat dan negara?

J Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang sejak dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri dan kemudian Perdana Menteri, telah menghadiri enam upacara silat peringkat dunia dan kebangsaan di negara ini pernah menyatakan kepentingan pertubuhan seni silat. Antara intipati ucapan yang sering beliau ulangi ialah mengenai aspek perpaduan yang dapat dijalinan melalui silat. Beliau yang juga adalah antara Ulul Amri II PSSLM membangkitkan mengenai kekayaan seni mempertahankan diri di negara ini. iaitu selain seni silat, ada taekwondo, judo, silamban dan wusyu yang walaupun berasal dari negara lain, tetapi sudah bermastautin di negara ini.

Mengambil iktibar saranan Perdana Menteri, saya berusaha menyatukan semua jenis seni mempertahankan diri di negara ini di bawah satu pertubuhan. Alhamdulillah, hasrat itu tercapai pada 4 Februari lalu. Saya bersyukur kerana semua seni mempertahankan diri yang mewakili kira-kira empat juta orang ahli memberi sokongan padu kepada saya melalui penubuhan Marcil dengan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo, dilantik sebagai Presiden Penaja.

S Empat juta orang bukan angka kecil dan apakah peranan yang boleh mereka lakukan untuk negara?

J Memang empat juta orang ini adalah kekuatan yang sangat besar kepada negara jika dapat digemblengkan. Saya melihat pengamal seni mempertahankan diri sebagai kekuatan kedua kerana tidak ada lagi masalah perkauman apabila seni silat memainkan peranan utama dalam Marcil.

S Datuk Seri Najib Tun Razak sendiri menyatakan seni silat dan seni mempertahankan diri lain boleh menjadi benteng pertahanan kedua.

J Saya setuju. Beliau bercakap bukan hanya berdasarkan kedudukannya sebagai Timbalan Perdana Menteri, tetapi Menteri Pertahanan.

Pemikiran seni silat sebagai benteng pertahanan telah saya fikirkan sejak 30 tahun lalu, iaitu dengan slogan Silat Pertahanan Negara. Najib menyatakan silat boleh menjadi benteng pertahanan kedua, tetapi dulu kita kata ketiga sebab mengambil kira fungsi pasukan tentera dan polis. Seni silat memang mampu memenuhi fungsi itu kerana kalau lihat tokoh dalam sejarah perjuangan orang Melayu menentang Inggeris dulu seperti Mat Kilau, Datuk Bahaman dan Tok Gajah, mereka yang bergelar panglima, semua adalah orang silat.

Sekarang ini ada pasukan tentera dan polis. Tetapi orang silat, sama ada sebagai benteng kedua atau ketiga tidak semesti perlu mengangkat senjata. Kita boleh membantu kerajaan memerangi masalah lain seperti penyalahgunaan dadah dan ragut. Orang silat dan seni mempertahankan diri lain tidak terbabit dalam gejala sosial kerana mereka berdisiplin. Saya percaya orang seni mempertahankan diri, khususnya Marcil yang ditubuhkan mempunyai kekuatan membantu negara. Kalau dulu ada Pesaka, sekarang kita maju ke hadapan dengan Marcil yang dianggotai semua seni mempertahankan diri.

S Itu dari segi teori, tetapi bagaimana Marcil boleh mencapai matlamat itu?

J Tugas ini akan dilaksanakan oleh Presiden Marcil. Usaha saya ialah hingga ke peringkat menyatukan dan menubuhkan Marcil. Selepas ini kita akan minta Dr Mohamad Khir meneruskan usaha itu. Tetapi saya tak lepas tangan dan sebagai orang lama dalam dunia persilatan akan terus membantu selagi upaya. Sebenarnya semua ini tidak akan tercapai kalau hanya orang silat yang mainkan peranan. Saya minta Ahli Parlimen mesti menerima

cabaran Timbalan Perdana Menteri dengan menubuhkan satu jenis silat di kawasan Parlimen masing-masing.

Misalnya di Parlimen yang MCA wakili, boleh perkenalkan wushu. Ahli Parlimen MIC boleh mengambil silamban. Kalau kawasan itu tak ada silat lincah, boleh perkenalkan seni silat lain yang ada di situ. Sepatutnya di setiap kawasan Parlimen ada gelanggang kerana mereka mendapat peruntukan kerajaan. Apalah salah satu jenis silat, bukan semesti silat lincah diperkenalkan. Saya bercakap mengenai seni mempertahankan diri.

Dalam hal ini, saya kagum dengan Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kasim, kerana negeri itu yang pertama menerima cabaran itu. Perlis mendahului apabila semua sekolah dimestikan memperkenalkan silat dan pegawai pada waktu pagi sebelum masuk kerja membuat senaman silat seperti di Korea Selatan dan Jepun, sekurang-kurangnya lima minit. Kalau semua negeri boleh buat macam itu, saya percaya matlamat ini boleh dicapai.

S Ini bermakna perkembangan seni silat dan seni mempertahankan diri lain memerlukan bantuan orang politik?

J YB (Yang Berhormat) adalah orang yang dihormati, jadi apa salah kalau ada gelanggang silat dalam kawasan dia. Sekurang-kurang untuk kesihatan dan riadah YB sendiri kalau buncit perut, dia pun boleh masuk belajar. Saya rasa Ahli Parlimen perlu sertai kerana mereka adalah wakil rakyat dan bukan rakyat wakil kepada mereka. Saya rasa ada baik mereka membabitkan diri membantu mempertahankan warisan Melayu. Tak usah harap Mahaguru Omardin seorang. Saya hanya boleh buat setakat yang mampu.

S Ada tanggapan bahawa sesetengah pertubuhan seni silat mempunyai ego dan menganggap perguruan masing-masing adalah lebih baik berbanding yang lain?

J Saya tak nafikan soalan ini. Saya minta semua perguruan di negara ini, termasuk seni mempertahankan

diri lain, meninggalkan ego itu. Kita sekarang nak melakukan untuk kepentingan negara. Saya ada 800,000 anak murid, mula belajar silat, selepas itu kahwin, ada anak, tua dan habis, ke manakah akhirnya? Selepas tiada nanti, saya tak tahu siapa yang akan ambil alih tempat saya, kalau dia ada semangat macam saya, mungkin dia akan ke arah itu. Tetapi saya tak percaya semua boleh ke arah itu.

Saya memang tertarik dengan soalan ini, ada ego, tetapi kita tak mahu. Saya sendiri yang mengusahakan penubuhan Marcil dengan perbelanjaan sendiri, tak ada minta kepada sesiapa pun, Kalau awak ego, apa awak boleh buat? Memang ada perkara ini timbul, tetapi Alhamdulillah apabila kita nak menubuhkan Marcil, semua perguruan dapat duduk bersama. Saya tengok Timbalan Perdana Menteri gembira melihat orang seni mempertahankan diri bersatu.

Saya gembira dan tak ada kepentingan dalam Marcil. Sepatutnya semua orang minta saya, Datuk sendiri duduk sebagai Presiden, saya nak lakukan ini kerana saya rasa ada sikit kemampuan, bolehlah orang hormati sikit dalam dunia persilatan. Tetapi kalau ada juga ego, macam mana nak buat. Kalau ada, saya rasa bukan dari seni mempertahankan diri lain, tetapi dari silat kita orang Melayu. Kalau boleh, saya nak bantu semua seni mempertahankan diri kerana saya yang melahirkan idea ini untuk memberikan imej baru kepada dunia persilatan.

S Apakah Datuk yakin Marcil boleh berjaya?

J Saya yakin Marcil akan berjaya, kalau Pesaka dan Persilat boleh berjaya, ini semua adalah usaha kita bersama. Saya yakin saya akan berada di belakang tabir untuk membantu mereka. Kita lihat dalam bidang sukan, sesetengah permainan seperti badminton dan sepak takraw mempunyai gelanggang di merata-rata tempat, banyak tak boleh nak cakap. Tapi silat masih tidak ada tempat latihan khusus.

S Mungkin ini kerana ada tanggapan negatif masyarakat terhadap seni silat Melayu sendiri seperti ada unsur kebatinan menyebabkan ibu bapa lebih rela menghantar anak menyertai seni mempertahankan diri lain seperti taekwando dan karate?

J Saya tak nafikan unsur ini ada sikit yang bagi saya adalah kerohanian. Sebenarnya, kita tak menekankan unsur ini ketika mengembangkan silat. Silat lincah dipelajari di 20 negara lain. Orang putih sendiri belajar silat dan kita tak bawa pun unsur kebatinan. Masalahnya ialah ada segelintir yang mengiklankan mendakwa boleh terbang, boleh itu dan ini. Sedangkan saya selama 43 tahun dalam dunia persilatan, bolehlah tahan pukulan, ada pernafasan, tetapi sepatah Bismillah tentu ada.

S Bagaimana nak menjadikan silat Melayu diterima oleh semua kaum di negara ini?

J Silat Lincah sudah mula, kita ada jurulatih Cina. Kalau saya tak buat, saya tak boleh nak dijadikan contoh. Kalau saya boleh ajar orang putih di luar negara, orang putih itu bukan Islam dan kita tak tekankan Islam dalam persilatan kerana kita tak kaitkan agama. Kita bawa fizikal, seni mempertahankan diri. Saya masih ingat lagi dalam satu upacara di Pulau Pinang, Pak Lah sendiri kagum melihat orang putih cium tangan dia. Kalau kita boleh ajar orang putih, mengapa kaum lain di Malaysia tidak boleh.

Kalau kita tekankan kebatinan, sudah tentu mereka tak mahu. Nanti mereka akan kata, Oh! Nak belajar silat, mesti masuk Islam, kena potong (bersunat). Saya juga ingin mencadangkan kepada Marcil supaya pada suatu hari nanti, kalau boleh ada satu seni mempertahankan diri yang dinamakan Silat Nasional. Marcil mungkin dapat memikirkan dapat menyediakan suatu bentuk latihan yang merangkumi semua seni mempertahankan diri. Kita cari satu seni silat Malaysia, ada unsur wushu, silamban, taekwando dan lain-lain. Saya mungkin dihalang faktor usia, kalau Tuhan berikan sedikit usia, saya akan usahakan.

S Bagaimana dengan cadangan Datuk untuk menubuhkan Universiti Silat di negara ini?

J Kita lihat seni silat Melayu sudah ada di 36 negara. Silat berasal dari rumpun Melayu dengan Malaysia dan Indonesia sebagai kuasa besar. Di Indonesia, ada satu tempat di Jakarta, Padepokan yang ditubuhkan dengan perbelanjaan AS40 juta (RM152 juta). Pak Lah pernah bagi tahu saya, 'Kita mahu silat ada identiti kita sendiri'. Tetapi Padepokan sudah beri tahu satu dunia, kalau nak belajar silat, datang ke Indonesia. Silat Indonesia dan Malaysia jauh bezanya, kita lebih maju.

Indonesia ada Padepokan, jadi saya percaya kalau kita ada satu universiti silat, yang akan kita minta Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan membantu merealisasikan kerana silat adalah warisan bangsa. Kalau boleh kementerian ini memikirkan lebih jauh, silat mempunyai tatasusila yang baik seperti yang Dr Rais sendiri tahu. Saya setuju universiti itu ditubuhkan. Caranya terserah budi bicara kerajaan.

S Apa tindakan selepas ini untuk menjadikan penubuhan universiti sebagai satu kenyataan?

J Kita akan meminta kementerian mengkajinya. Kita tak ada kemampuan dari segi kewangan seperti nak membina sendiri bangunan besar. Kementerian mempunyai peruntukan dan orang silat akan membantu seperti dari segi tenaga pengajar. Saya percaya universiti silat mempunyai daya tarikan kerana mampu menggalakkan ramai orang dari luar negara datang ke negara ini untuk belajar silat. Bukan saja belajar silat, pada masa sama mereka akan mengenali budaya, bahasa dan tatasusila orang Melayu.

Ini kerana apabila mengajar silat di luar negara, kita tak ajar dia 'one step, two step'. Kita gunakan bahasa Melayu 'Langkah pertama,

langkah kedua'. Silat akan menjadi silibus utama, tetapi turut dimasukkan aspek lain seperti sejarah, raja dan panglima zaman dulu. Kita tak mahu Hang Tuah dan Hang Jebat menjadi kisah dongeng bagi masyarakat akan datang. Sama seperti unsur kebatinan, saya pernah ditanam hidup-hidup, saya akui. Mengapa saya lakukan?

Kalau kita melihat sejarah, Mat Kilau pernah ditanam hidup-hidup. Adakah awak fikir orang yang dilahirkan pada zaman moden nak percaya benda ini? Dia tidak mahu percaya, mana boleh orang silat ada dalam tanah sedalam hampir dua meter selama satu atau dua jam. Saya buat kerana nak membuktikan ini berlaku. Ada yang kata, mana boleh orang silat terjun dari tingkat enam bangunan, tapi saya tak cakap ini ada ilmu batin dan sebagainya. Itu rahsia silat.

Silat lincah sudah memikirkan mesti ada universiti. Tidak semesti bermula dengan sesuatu yang besar, tetapi mesti ditadbir oleh kerajaan dan orang silat akan membantu. Macam pengawal peribadi, pakai pistol tak cukup, kadang-kadang dekat dengan pistol pun orang jahat boleh rampas. Jadi orang seni mempertahankan diri di luar negara, nak jadi master, boleh datang ke Malaysia.

Kalau tidak, saya percaya Indonesia akan mendahului. Padepokan di kawasan seluas 100 hektar itu akan melakukan kerana mereka menuju ke arah itu. Kalau idea ini untuk Universiti Silat Lincah, mungkin tak diterima. Saya kata untuk silat Melayu. Bila orang luar negeri datang, kita bawa ke tempat persilatan dan ini dia mahaguru yang ada.

NAMA: Datuk Omardin Mauju

LAHIR: 29 Mei 1941

ASAL: Puchong, Selangor

ISTERI: Datin Raja Hazizah Raja Ahmad Shah

ANAK: Megat Zulkarnain, Wan Zurina, Megat Khairul Anuar, Megat Adi Putra, Putra Al Farouk, Putra Al Faris dan Putri Fara Diba.

JAWATAN: Mahaguru dan Pengerusi Majlis Tertinggi Persatuan Seni Silat Lincah Malaysia (PSSLM) dan Pengerusi Dewan Perguruan Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka).

(END) Source : Berita Harian